

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : 2 MASJID BARU DI DUN KOTA DAMANSARA (MASJID KOTA
DAMANSARA 2 DAN MASJID SUBANG BISTARI)**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapa atau agensi manakah yang bertanggungjawab memastikan bahawa kedua-dua masjid ini akan siap pada hujung tahun 2022?
- b) Apakah "baseline schedule" terkini untuk kedua-dua projek tersebut?
- c) Apakah mekanisma pemantauan projek ini yang sedang atau akan dijalankan untuk memastikan bahawa setiap aktiviti-aktiviti projek berjalan lancar mengikut "baseline schedule"?

JAWAPAN:

- a) Pihak Jabatan Agama Islam Selangor adalah pemilik projek manakala pihak Jabatan Kerja Raya adalah agensi pelaksanaan 2 masjid tersebut.
- b) Projek-projek tersebut kini dalam proses reka bentuk oleh pihak JKR. Proses tender dijangka pada suku pertama tahun 2020.
- c) Mekanisma pemantauan projek yang sedang atau akan dijalankan untuk memastikan setiap aktiviti projek berjalan lancar mengikut jadual adalah dengan perbincangan-perbincangan dan pemantauan melalui mesyuarat-mesyuarat teknikal antara pemilik projek, pihak berkepentingan dan agensi teknikal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : JALAN ALTERNATIF - KE KILANG KILANG SEKITAR PERUMAHAN
DESA SUBANG PERMAI SEKSYEN U6 SHAH ALAM**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah "baseline schedule" terkini untuk pembinaan jalan tersebut?
- b) Pihak atau agensi manakah yang bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kerja-kerja pembinaan jalan dan parit akan dilaksanakan pada tahun 2020?
- c) Apakah mekanisma pemantauan yang telah digunakan untuk memastikan aktiviti-aktiviti projek berjalan lancar mengikut "baseline schedule"?

JAWAPAN:

- a) Jangkaan jadual kerja bagi penyediaan kemudahan jalan untuk kegunaan kilang yang terlibat diJalan Bukit Badak (bersebelahan perumahan Desa Subang Permai seksyen U6)

SKOP KERJA & TEMPOH

- i. Kerja pengukuran - (November 2019)
 - ii. Keluar notis pengosongan rezab jalan oleh PTD Petaling - (Feb - April 2020)
 - iii. Kerja memanggil tender & lantikan - (Feb- Mac 2020)
 - iv. Kerja mula ditapak (Mei - Ogos 2020)
 - v. Kerja selesai & serah tapak - (September 2020)
- b) Pihak Majlis bersama-sama Pejabat Tanah Daerah Petaling yang bertanggungjawab untuk memastikan kemudahan pembinaan kemudahan jalan dilaksanakan.
 - c) Panel consultan yang telah dilantik oleh pihak Majlis akan memaklumkan perkembangan projek dari masa ke semasa sehingga projek siap dilaksanakan. Pihak Majlis juga mengadakan mesyuarat tapak secara berkala pada setiap bulan bagi memastikan projek berjalan dengan lancar. Selain itu, pihak Majlis telah membangunkan satu Sistem Pemantauan Projek (SPPRO) yang lebih efisien bagi memantau perkembangan projek tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : TANAH PERKUBURAN PUSARA AMAN KAMPUNG MELAYU SUBANG

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan (jika ada) jangka masa panjang untuk memastikan bahawa masyarakat setempat mempunyai tanah yang mencukupi bagi urusan pengebumian?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri menyedari penyediaan kemudahan masyarakat terutamanya tanah perkuburan adalah merupakan satu cabaran bagi Negeri Selangor kerana kedapatan tanah yang terhad dan kesukaran untuk mendapatkan lokasi/tanah yang strategik bagi menempatkan kemudahan ini. Saiz lot tanah yang kecil juga telah menyukarkan penyediaan kemudahan ini.

Secara keseluruhan Negeri Selangor memerlukan kawasan tanah perkuburan seluas lebih kurang 928.2 hektar sehingga akhir tahun 2035. Dianggarkan 607.04 hektar diperlukan bagi tanah perkuburan Islam dan 321.16 hektar bagi perkuburan selain Islam.

Bagi merealisasikan penyediaan kemudahan tanah perkuburan ini, Pihak Berkuasa Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah menyediakan Rancangan Tempatan bagi setiap daerah. Di dalam setiap Rancangan Tempatan yang disediakan telah dikenalpasti keperluan dan lokasi bagi tapak-tapak perkuburan yang dimaksudkan. Pada masa yang sama, bagi setiap permohonan cadangan pemajuan telah disyaratkan untuk pemaju menyediakan tanah perkuburan berasaskan kepada piawaian perancangan yang diterima pakai oleh Pihak Berkuasa Negeri. Perincian unjuran tanah perkuburan mengikut keperluan agama bagi tahun 2015 sehingga 2035 seperti jadual berikut:

MBSA	T.P. Islam	51.76	60.50	70.72	82.66	96.62
	T.P. Buddha	5.32	6.21	7.26	8.49	9.92
	T.P. Hindu	5.60	6.54	7.65	8.94	10.45
	T.P. Kristian	2.47	2.89	3.38	3.95	4.61
	Lain-lain Agama	1.03	1.20	1.41	1.65	1.92
	Jumlah	66.17	77.35	90.41	105.68	123.52

Pihak Kerajaan telah meluluskan tapak perkuburan Islam seluas 34.24 ekar di pembangunan Elmina Seksyen U16 Shah Alam iaitu bersebelahan dengan tapak perkuburan Pusara Aman Kg. Melayu Subang bagi menampung keperluan penduduk bagi jangka masa panjang. Walau bagaimanapun penggunaan tapak perkuburan Islam ini adalah di bawah pihak Jabatan Agama Islam Selangor.

Sumber : Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (JPBD) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bertarikh 29 Oktober 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PROJEK TERBENGKALAI - UNTUK 278 KELUARGA OLEH ECL
MANAGEMENT SDN BHD**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan untuk mempercepatkan projek Lot HS(D) 110193 PT No. 35194 Jalan U5/138 Shah Alam?

JAWAPAN:

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

- a) Projek terbengkalai yang dimaksudkan merujuk kepada cadangan Rumah Kos Rendah 2 blok 299 unit yang telah didirikan di atas tapak berkeluasan 4.34 ekar di bawah pemaju Tetuan ECL Manangement Sdn. Bhd. (Pemaju Penyelamat) dahulunya di bawah pemaju asal Tetuan Unique Cretion Sdn. Bhd.

Pembangunan ini pada asalnya diluluskan sebagai Rumah Kos Rendah 6 blok 840 unit dengan berkeluasan 12.53 ekar pada 30hb. Januari, 1999 dan projek ini terhenti pada tahun 2001.

Bagi memulihkan projek terbengkalai ini, Tetuan ECL Management Sdn. Bhd. telah membeli projek ini bersama hakmilik tanah tersebut daripada Tetuan Unique Creation Sdn. Bhd. dan kerja-kerja pemulihan di tapak telah mula dilaksanakan pada November 2010.

Melalui pemaju Tetuan ECL Management Sdn. Bhd. pembangunan ini telah melalui 2 fasa pindaan kelulusan iaitu pada kali pertama pada 8 April 2013 iaitu dari kelulusan asal 6 blok 840 unit berkeluasan 12.53 ekar kepada 3 blok 466 unit berkeluasan 6.52 ekar. Dalam syarat kelulusan ini pihak pemaju perlu mengemukakan permohonan pecah sempadan yang melibatkan hakmilik asal berkeluasan 12.53 ekar kepada 6.52 ekar.

Sehingga kini pihak pemaju masih belum menyelesaikan hal tanah di Pejabat Daerah dan Tanah Petaling bagi tujuan pecah sempadan.

Pada 3 Oktober 2019 pihak pemaju Tetuan ECL Management Sdn. Bhd. sekali lagi telah mengemukakan pindaan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan dari 3 blok 466 unit berkeluasan 6.52 ekar kepada 2 blok 299 unit berkeluasan 4.34 ekar walaupun status hakmilik tanah masih belum diselesaikan pecah sempadan dari keluasan 12.53 ekar kepada keluasan terkini iaitu 4.34 ekar.

Walau bagaimanapun pihak MBSA mengambil inisiatif bagi mempercepatkan proses kelulusan projek terbengkalai ini dengan menerima permohonan pindaan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan pada 3 Oktober 2019 bagi tujuan menyegerakan proses kelulusan yang akan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat, MBSA pada 29 Oktober 2019.

PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

- a) Tetuan ECL Management Sdn. Bhd pada 23 Julai 2019 telah mengemukakan permohonan untuk penyerahan balik dan pemberimilikan semula di bawah Seksyen 204B Kanun Tanah Negara bagi tujuan pembinaan bangunan kediaman untuk Rumah Harga Bebas, Rumah Selangorku dan Pangsapuri Kos Rendah.

Permohonan sedang diproses dan Kertas Ringkasan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) akan diangkat ke Pejabat Tanah dan Galian Selangor pada awal November 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PROJEK RUMAH SELANGORKU - PROJEK DAMAISURIA OLEH
TTJAYA KOTA DAMANSARA**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan agar projek tersebut dapat diteruskan seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu di Kota Damansara?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod pentadbiran ini, tiada rekod projek Rumah Selangorku Damaisuria yang dibangunkan oleh pemaju Titijaya Land Berhad di Kota Damansara. Walaubagaimanapun, projek yang mungkin dimaksudkan oleh Yang Berhormat adalah projek Pangsapuri Perkhidmatan Mampu Milik yang dibangunkan oleh anak syarikat pemaju Titijaya Land Berhad iaitu pemaju NPO Builders Sdn Bhd di atas lot tanah jenis perdagangan. Projek tersebut sedang dalam pembangunan dan kini dalam proses memperoleh nama pembeli daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Berikut merupakan perincian pembangunan oleh pihak pemaju: -

Pemaju	Nama Projek	Lokasi Projek	Unit	Harga Jualan
NPO Builders Sdn. Bhd. (Anak Syarikat Titijaya Land Berhad)	Residensi Seiring	Di Atas PT 39002 (Dahulunya Lot 85723), Jalan U6 / 20, Seksyen U6, 40150 Shah Alam	294 unit Pangsapuri Perkhidmatan Mampu Milik	RM270,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PROJEK TEBATAN BANJIR SUNGAI PELEMPAS KAMPUNG MELAYU
SUBANG (DESA SUBANG PERANTAU)**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bolehkan Kerajaan pertimbangkan permohonan rayuan penduduk Desa Subang Perantau agar jajaran tebatan banjir dialih agar perobohan rumah-rumah (19 unit) yang terlibat dapat dielakkan sementara projek dapat diteruskan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran sedang melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir Kg Melayu Subang Di Sungai Pelempas Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Daerah Petaling Fasa 1. Projek ini adalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah banjir di kampung Melayu Subang, Kampung Subang Perantau, Taman Subang Perdana, Kampung Subang Ehsan, Jalan Jati dan kawasan di sepanjang jajaran projek. Di dalam pelaksanaan projek ini, Kerajaan Negeri telah membuat kerja pengambilan balik tanah yang melibatkan 19 lot dengan kos sebanyak RM13.46 juta. Selain daripada itu, terdapat beberapa binaan telah dibina di atas tanah rizab sungai. Semua bayaran untuk pengambilan balik tanah telah diselesaikan pada tahun 2019 dan usaha sedang dilaksanakan untuk mengeluarkan penduduk yang berada di dalam tanah rizab JPS.

Projek ini terpaksa diberi tiga (3) kali lanjutan masa disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan tidak dapat dibuat kerana halangan binaan-binaan di rizab sungai. Projek ini telah bermula pada 13 April 2016 sehingga 26 Februari 2020. Punca utama kelewatan penyediaan projek adalah proses pengambilan balik tanah (telah selesai) dan kekangan melaksanakan perobohan struktur yang terdapat di dalam ROW projek. Kerajaan Negeri tidak dapat menimbangkan permohonan perubahan jajaran projek berhampiran Desa Subang Perantau dan Notis pertama telah dikeluarkan pada 9.11.2016. Notis kedua dijangka akan dikeluarkan pada bulan Disember 2019 untuk tujuan perobohan struktur haram.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : MASJID AT-TAQWA DESA SUBANG PERMAI SEKSYEN U6 SHAH
ALAM (PENERIMAAN PERUNTUKAN)**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah dan tujuan apakah pihak JAIS telah memberi sumbangan untuk tempoh 2015-2019?
- b) Berapakah dan tujuan apakah pihak MBI/Penyelaras DUN/DUN telah memberi sumbangan untuk tempoh 2015-2019?

JAWAPAN:

- a) i. Bantuan Moreh

BIL	TAHUN	JUMLAH SUMBANGAN - Kerajaan Negeri (RM)	
		MASJID	
1	2015	1,650	
2	2016	1,650	
3	2017	1,300	
4	2018	1,250	
5	2019	1,250	

- ii. Elaun Bulanan Imam 1 dan 2

BIL	TAHUN	SUMBER BAYARAN (RM)	
		JAKIM	Kerajaan Negeri
1	2015	750	150
2	2016	750	150
3	2017	850	450
4	2018	850	450
5	2019	850	450

- iii. Elaun Bulanan Pegawai dan Jawatankuasa Masjid sumbangan Lembaga Zakat Selangor

BIL	TAHUN	JUMLAH BAYARAN (RM)	SENARAI PENERIMA
1	2015	1,380	i. Nazir – RM200 ii. Timb Nazir – RM100 iii. Bendahari – RM100 iv. Bilal 1 – RM290 v. Bilal 2 – RM200 vi. Siak 1 – RM240 vii. Siak 2 – RM150
2	2016	1,380	
3	2017	1,380	
4	2018	1,380	
5	2019	1,380	

iv. Saguhati Tahunan Jawatankuasa Masjid sumbangan Lembaga Zakat Selangor

BIL	TAHUN	JUMLAH BAYARAN (RM)	SENARAI PENERIMA
1	2015	2,200	i. Ahli Jawatankuasa – 9 orang ii. Pemeriksa kira-kira – 2 orang
2	2016	2,200	
3	2017	2,200	
4	2018	-	11 orang x RM 200 = RM2,200
5	2019	2,600	i. Ahli Jawatankuasa – 9 orang ii. Pemeriksa kira-kira – 2 orang iii. Pen. Setiausaha – 1 orang iv. Pen. Bendahari -1 orang 13 orang x RM 200 = RM2,600

b) Sumbangan kepada masjid dan surau adalah termasuk dalam skop kebajikan dan sosial. Setiap permohonan akan diteliti dan dipertimbangkan mengikut garis panduan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh Ahli Lembaga Pengarah MBI.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : BALAI POLIS TAMBAHAN

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan merancang untuk membina balai polis tambahan di sekitar Kota Damansara?

- b) Jika ya, bilakah projek tersebut akan dilaksanakan?

JAWAPAN:

a) & b)

Pada masa ini, pihak IPD Petaling Jaya tiada apa-apa perancangan untuk mewujudkan tambahan balai baru di sekitar Kota Damansara, memandangkan telah sedia ada balai polis Kota Damansara yang terletak di bangunan Central Park, Dataran Sunway, Petaling Jaya. Balai Polis ini telah beroperasi sejak 15hb Mei 2008 dengan kelulusan waran perjawatan K16/2008 seramai 73 orang personel. Namun lokasi bangunan ini tidak begitu strategik dan sukar di akses oleh orang awam kerana ia terlindung dengan bangunan komersial di sekeliling balai tersebut.

Dengan keluasan 18km persegi dan populasi kepadatan penduduk seramai 90,504 orang, pihak IPD Petaling Jaya berpendapat tidak wujud keperluan untuk penambahan balai polis baru di kawasan tersebut. Pihak IPD Petaling Jaya telah mengambil inisiatif untuk membuat penambahbaikan dengan mengemukakan kertas cadangan bagi balai polis Kota Damansara yang sedia ada untuk dinaiktaraf. Walau bagaimanapun, usaha ini masih di dalam proses di peringkat IPD Petaling Jaya memandangkan tapak/lokasi yang strategik dan senang di akses oleh orang awam masih belum diperolehi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : SRJK (TAMIL) RRI - RUBBER RESEARCH INTITUTE

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status tapak ganti untuk sekolah tersebut sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Kerajaan sebelum ini?
- b) Berapakah luas dan lokasi tanah tersebut?
- c) Apakah masalah utama (jika ada) berkaitan perkara tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kwasaland selaku pemilik tanah memaklumkan pihaknya telah memperuntukkan dua plot tanah yang terletak berdampingan (berkongsi sempadan) sebagai tapak ganti SRJK (Tamil). Tapak tersebut dikenali sebagai SR-3(i) seluas 1.46 ekar dan SR-3(ii) seluas 4.53 ekar.

Plot tanah SR-3(i) telah diserahkan kepada Kerajaan selepas kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 24/2015 bertarikh 29 Julai 2015 bagi urusan Serah Balik dan Bermilik Semula di bawah Seksyen 204B Kanun Tanah Negara.

Plot tanah SR-3(ii) sedang dalam proses untuk Serah Balik dan Bermilik Semula di bawah Seksyen 204B Kanun Tanah Negara.

Setelah kedua-dua plot tanah selesai diserahkan kepada Kerajaan, urusan pewartaan tapak sekolah di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara akan dilakukan.

- b) Jumlah keluasan dua plot tanah ini ialah 5.93 ekar. Kedua-dua plot tanah yang berdampingan (berkongsi sempadan) ini terletak di Persiaran Kwasa Utama.
- c) Tiada masalah berkaitan perkara di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : LANGKAH-LANGKAH PUBLISITI KERAJAAN NEGERI BAGI
PENGUMUMAN TENTANG CUKAI PETAK**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan proses-proses pengumuman serta jenis-jenis publisiti yang telah dilakukan Kerajaan Negeri bagi memperkenalkan cukai petak kepada seluruh warga Selangor.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) telah mengadakan publisiti antaranya:-
- (i) Penglibatan bersama orang awam, Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) di tiga (3) lokasi iaitu melibatkan daerah Gombak, daerah Hulu Langat dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
 - (ii) Menyertai sesi yang dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan antaranya Majlis Perbandaran Kuala Selangor, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Bandaraya Shah Alam.
 - (iii) Iklan cukai petak telah disiarkan media massa tempatan iaitu televisyen, radio dan media sosial semasa permulaan cukai petak diperkenalkan. Pada tahun ini juga PTGS telah meneruskan publisiti melalui media cetak, laman sosial yang terpilih dan lain-lain media seperti *flyers* dan sebagainya.

PTGS juga merancang untuk mengadakan Karnival Cukai Petak pada 31 November 2019 dan 1 Disember 2019 bagi meningkatkan kesedaran yang lebih menyeluruh kepada semua pihak. Karnival tersebut juga membolehkan orang ramai termasuk JMB/MC membayar cukai tanah/petak dengan fi denda lewat akan dikecualikan kepada pembayar yang menjelaskan bil semasa dan tunggakan pada hari tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : JUMLAH PERNIAGAAN DAN KEDAI TEH BUBBLE YANG DI
DIDAFTARKAN BAWAH NEGERI SELANGOR**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan setiap jenis jenama dan jumlah kedai "Bubble Tea" yang telah didaftarkan di bawah Negeri Selangor mengikut pecahan Kerajaan Tempatan (PBT).
- b) Kedai "Bubble Tea" yang semakin popular di kalangan rakyat Malaysia terutamanya penduduk bandar telah mengakibatkan pembuangan cawan minuman plastik dalam jumlah yang tinggi. Apakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang perancangan untuk mengkaji dan melaksanakan syarat-syarat baru terhadap perniagaan jenis ini bagi memastikan kedai-kedai ini akan lebih mesra alam (environmental friendly)?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kedai "Bubble Tea" yang telah didaftarkan di bawah Negeri Selangor mengikut PBT adalah sebanyak 225 premis. Berikut adalah jenis jenama dan jumlah kedai "Bubble Tea" yang telah didaftarkan di bawah Negeri Selangor mengikut pecahan PBT masing-masing :

PBT	JENAMA	JUMLAH KEDAI "BUBBLE TEA" BERDAFTAR
MBSA	Tealive	5
	Coolblog	4
	Chatime	4
	Xing Fu Tang	1
	Daboba	2
	Tiger Sugar	2
	Gong Cha	2
	Cool Town	1
JUMLAH		21

PBT	JENAMA	JUMLAH KEDAI "BUBBLE TEA" BERDAFTAR
MBPJ	Infinitea/ Xing Fu Tang	3
	Lion Boba	1
	Chatime	2
	Daboba	2
	Tealive	8
	Tiger Sugar	3
	The Alley	1
	The Koi	1
	Royaltea	1
	Coolblog	1
JUMLAH		23
MPK	Moge Tee	1
	The Alley	1
	Chatto	1
	Tealive	10
	Gongcha	1
	Pin Tea	1
	Xing Fu Tang	1
	The Black Whale	1
	Daboba	1
	Royaltea	1
	Coolblog	5
	Tealicious	1
	JLD Dragon	1
Whale Tea	1	
JUMLAH		27
MPAJ	Secret Recipe	4
	Tealive	11

PBT	JENAMA	JUMLAH KEDAI "BUBBLE TEA" BERDAFTAR
	Chatime	2
	Each a Cup	2
	Familymart	2
	Daboba	1
	Cool Blog	2
	JUMLAH	24
MPSJ	Craver Haven	1
	Whale Tea	1
	One Zo	1
	Daboba	1
	The Alley	3
	Pin Tea	1
	Xing Fu Tang	4
	Tea Love Flower	1
	The Black Whale	4
	Tea Amo	1
	The Hunter	1
	Kafe Jenjudan	1
	Moge Tea	1
	Chatto	1
	Shifen Station	1
	Go Café	1
	Gong Cha	3
	Chawanjia Tea Bubble	1
	Tealive	10
	Kafe Paco	1
Heuk Hwa Dang	1	
Bao Hei Tang	1	

PBT	JENAMA	JUMLAH KEDAI "BUBBLE TEA" BERDAFTAR
	Millok The Bubble Tea	1
	Family Mart	5
	Ji Long Tang	1
	Kafe Donutes	1
	Kafe Good Day Good Time	1
	Kafe 2d	1
	Tiger Sugar	2
JUMLAH		51
MPS	Tea Live	5
	Daboba	1
	Cool Blog	5
	Secret Recipe	7
JUMLAH		18
MPKj	Tealive	1
	Cool Blog	1
	The Alley	1
	Chatime	1
	Gong Cha	1
	Xing Fu Tang	1
	Each A Cup	1
	Bubble Tea	1
	Boba Tea House	1
	Moojicha Malaysia	1

PBT	JENAMA	JUMLAH KEDAI "BUBBLE TEA" BERDAFTAR
JUMLAH		10
MPSp	Tealive	6
	Chatime	3
	Daboba	1
	Xin Fu Tang	3
	Cool Blog	2
	Secret Recipe	7
	Cofee Bean	3
	Gong Cha	1
	Hercaa	1
	Family Mart	3
	Regiustea	1
	Chizu	1
JUMLAH		32
MDKL	Tealive	1
	Cool Blog	3
	Secret Recipe	2
	Family Mart	1
JUMLAH		7
MDHS	Cool Blog	5
JUMLAH		5
MDKS	Tealive	3
JUMLAH		3
MDSB	Cool Blog	1
	Tea Live	1
	Secret Recipe	2
JUMLAH		4

PBT	JENAMA	JUMLAH KEDAI "BUBBLE TEA" BERDAFTAR
JUMLAH BESAR		225

Nota : Sumber dari PBT

- b) Jemaah Menteri telah meluluskan Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics, 2018 – 2030 pada 10 Oktober 2018 dan telah dilancarkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada 17 Oktober 2018 bertujuan menangani masalah alam sekitar khususnya berpunca dari pencemaran dari barangan plastik sekali guna bagi mewujudkan persekitaran yang bersih dan sihat.

Dasar ini menggariskan perancangan dan usaha kerajaan pusat ke arah sifar plastik sekali guna untuk persekitaran Malaysia yang bersih dan sihat menjelang tahun 2030. Selaras dengan dasar ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Kempen Bebas Plastik dan Bebas Straw Plastik di seluruh Negeri Selangor. Melalui kempen ini, para peniaga adalah dilarang untuk memberikan beg plastik kepada pelanggan secara percuma manakala straw plastik turut tidak diberikan secara automatik ('default') dan hanya dibekalkan atas permintaan pelanggan. Perlaksanaan dasar ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna seperti beg plastik, polistirena, straw plastik dan termasuklah cawan plastik sekali guna melalui kempen-kempen yang telah dilancarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : SENARAI MASJID DAN SURAU BAWAH DUN BANDAR UTAMA

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan setiap masjid dan surau yang berdaftar di bawah DUN Bandar Utama berserta dengan maklumat perhubungan.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah senarai masjid dan surau yang berdaftar di DUN Bandar Utama berserta dengan nama pegawai yang bertanggungjawab.

MASJID DI BAWAH ADUN BANDAR UTAMA			
BIL	NAMA MASJID	NAZIR	NO. TEL
1.	MASJID AL-MUJAHIDEEN	Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Chik	019-3792159
2.	MASJID BANDAR UTAMA	Dato' Sulaiman Bin Ibrahim	019-3388040
3.	MASJID AL-MAKMURIAH SG KAYU ARA	Mohd Nadzri Bin Hj Mhd Tajudin	019-2216684
SURAU DI BAWAH ADUN BANDAR UTAMA			
BIL	NAMA SURAU	PENGERUSI	NO. TEL
1.	SURAU AL-SYAKIRIN, BANDAR UTAMA	Tan Sri Ghafar Bin Mahmud	019-3341134
2.	SURAU MUTIARA DAMANSARA	Azhar Bin Abu Bakar	013-3530640
3.	SURAU AN-NUR, PELANGI DAMANSARA	Abdul Rashid Bin Mat Ali	010-4247728

4.	SURAU DARUL IKHLAS	Hj Nawi Bin Awang Seman	019-2150825
5.	SURAU IMAM NAWAWI	Baharin Bin Abd Karim	019-3352812
6.	SURAU IHYAUL FALAH	Mastori Bin Marsidi	016-6206284
7.	SURAU AL-MUTTAQIN (KUARTERS PERGURUAN)	En Fahmi	017-2551613
8.	SURAU AL-HIDAYAH	Omar Bin Kariman	012-2560391
9.	SURAU AL-RAUHILLAH	Mohd Khalid Bin Abdul Rahman	019-3856285
10.	SURAU AL-IKHLAS, PALM SPRING	Mohd Majeman Bin Nyono	012-3408015

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : KADAR CUKAI PETAK

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menetapkan kadar cukai petak yang baru diimplementasikan pada tahun ini?
- b) Sekiranya adalah berdasarkan kajian-kajian tertentu, sila senaraikan.

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan cukai petak ditetapkan berdasarkan Warta Kerajaan Persekutuan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar No. Warta PU(B) 174 bertarikh 31 Mac 2017 dan pindaan Akta Hakmilik Strata dan Pengenalan Bahagian Baru iaitu Bahagian IVA Seksyen 23A hingga 23J yang memperuntukan :-
 - (i) Membolehkan pemilik petak membayar cukai bagi petak.
 - (ii) Prosedur penentuan kiraan kadar cukai petak.
 - (iii) Prosedur penentuan kutipan tunggakan cukai bagi tanah yang melibatkan pembangunan berstara.
 - (iv) Prosedur tuntutan kutipan cukai tanah melalui cukai petak.
 - (v) Prosedur penamatan kutipan cukai petak sekiranya wujud penamatan hakmilik strata

Kadar cukai petak adalah berdasarkan Kaedah-kaedah Hakmilik Strata Selangor 2015 (pindaan 2017) mengikut syarat dan kategori kegunaan tanah/petak.

- b) Sebelum cukai petak ini dikemukakan untuk pertimbangan MMKN, Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah mengadakan beberapa sesi perbincangan bersama Pesuruhjaya Bangunan Pihak Berkuasa Tempatan, Lembaga Perumahan Hartanah Selangor dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila terangkan secara terperinci bagaimanakah Program Tuisyen Rakyat Selangor dilaksanakan di bawah sekolah-sekolah?
- b) Adakah terdapat cara-cara lain sekiranya ada pelajar-pelajar yang lebih suka PTRS diusahakan oleh Pusat Khidmat kerana lebih senang sekiranya pusat tuisyen dekat dengan kawasan perumahan?

JAWAPAN:

- a) Program Tuisyen Rakyat Selangor dilaksanakan di sekolah-sekolah dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS). Pihak JPNS akan membuat pemilihan sekolah yang terlibat berdasarkan kriteria murid yang telah ditetapkan.
- b) Kerajaan Negeri akan membuat kajian terperinci berkenaan isu ini. Pelaksanaan program ini pada masa ini adalah melalui sekolah-sekolah yang terpilih oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : JADUAL PENGANGKUTAN SAMPAH OLEH KDEB

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jadual pengangkutan sampah setiap minggu oleh KDEB di bawah DUN Bandar Utama berdasarkan kawasan kontraktor.
- b) Sila senaraikan nama-nama dan maklumat perhubungan untuk setiap kontraktor yang bertanggungjawab bagi kawasan masing-masing.

JAWAPAN:

